

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAHASA PERSATUAN LINGUISTIK
MALAYSIA-PUBLIC BANK 1988
Lokasi : PENTHOUSE DEWAN BANDARAYA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 28-09-1989

Yang Berbahagia Tan Sri Teh Hong Piow, Presiden dan Pengerusi Eksekutif Public Bank Berhad; Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nik Safiah Karim, Presiden Persatuan Linguistik Malaysia; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis ini. Saya difahamkan bahawa kita berkumpul di Majlis ini adalah untuk menghargai jasa para penulis buku-buku ilmiah dalam bahasa Melayu. Majlis ini diadakan untuk menghargai mereka yang telah menyumbang ke arah perkembangan bahasa kebangsaan kita melalui tulisan-tulisan yang bersifat ilmiah. Penghargaan ini dibuat melalui hadiah tahunan yang diberi nama Hadiah Bahasa.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pemenang Hadiah Bahasa bagi tahun 1988, dan berharap kejayaan ini akan menjadi pendorong kepada mereka untuk terus menulis.

3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para penganjur Hadiah Bahasa ini. Pertama, tahniah kepada Persatuan Linguistik Malaysia di atas kegigihan mereka memperjuangkan bahasa kebangsaan dengan tujuan untuk menyempurnakan perjuangan bahasa kebangsaan kita, dan dengan itu meletakkan bahasa ini menjadi setaraf dengan bahasa- bahasa lain di dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Kita tahu perjuangan yang sama juga dilakukan oleh badan-badan lain, misalnya badan-badan sastera. Tetapi keistimewaan usaha yang dijalankan oleh Persatuan Linguistik Malaysia ialah bidang tumpuannya, iaitu bahasa Melayu dan penggunaannya sebagai bahasa ilmu, bahasa sebagai alat pengucapan fikiran yang tinggi. Jika bahasa Melayu tidak menjadi bahasa ilmu, tetapi tinggal sebagai bahasa biasa semata-mata, maka bahasa kebangsaan kita tidak dapat dikatakan telah berjaya. Bahkan bahasa kebangsaan ini akan gagal kerana tidak dihormati, dan kalah bila dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain. Oleh itu, amat wajar sekali usaha-usaha dibuat untuk membina, mengembang dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang ilmu.

5. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Public Bank Berhad kerana telah tampil ke hadapan berganding bahu dengan Persatuan Linguistik Malaysia dalam perjuangan untuk membina bahasa kebangsaan. Langkah sebuah institusi kewangan berkongsi pengalaman dan kewangan dalam bidang pembangunan sosial negara amatlah dialu-alukan. Saya menyeru kepada institusi kewangan serta sektor swasta yang lain untuk mencontohi usaha Public Bank ini. Saya tahu bahawa penglibatan Public Bank bukan sahaja dengan kegiatan pembinaan bahasa, tetapi juga meliputi bidang-bidang lain seperti sastera, sukan dan belia. Syabas saya ucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Saya juga difahamkan, turut menerima hadiah di Majlis ini ialah tiga orang pelajar sekolah menengah yang telah memenangi hadiah peraduan mengarang, juga anjuran Persatuan Linguistik Malaysia, Public Bank Berhad dan dibantu oleh Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya amat gembira mendengar berita ini, kerana jika kita hendak memupuk sesuatu, haruslah dimulakan pada peringkat awal lagi. Melatih para pelajar semenjak di bangku sekolah lagi untuk mengenali dan menghayati bahasa yang baik merupakan suatu usaha yang wajar. Saya percaya pengalaman memenangi hadiah peraduan ini akan menjadi dorongan kepada mereka untuk terus meninggikan mutu bahasa dan kerjaya mereka dalam bidang penulisan. Kepada rakan-rakan mereka, dan kepada para pelajar, saya berseru supaya sentiasa teliti dalam penggunaan bahasa, bukan sahaja dalam konteks bilik darjah dan jawapan-jawapan dalam peperiksaan, tetapi juga dalam situasi-situasi lain.

7. Dalam hal ini, izinkan saya menyentuh sepintas lalu tentang penggunaan bahasa yang baik. Kata orang tua kita, 'bahasa menunjukkan bangsa'. Satu interpretasi ungkapan ini ialah orang menilai kita daripada segi kita bertutur kata, iaitu menggunakan bahasa. Jika bahasa yang kita gunakan itu kemas, teratur dan jelas, maka maksud yang hendak disampaikan itu akan senang difahami. Sebaliknya, kita tidak akan dihormati sekiranya bahasa yang kita gunakan itu kasar oleh sebab kurang kemas, serta tidak jelas, lalu mengelirukan. Orang-orang timur sudah terkenal dengan sopan santun dan kelembutan budi pekertinya. Marilah kita bersama-sama mengekalkan sifat-sifat yang baik ini, sambil kita membina satu bahasa yang disanjung dan hormati.

8. Saya juga ingin menyentuh peranan yang boleh dan harus dimainkan oleh ibu bapa dalam aspek pemupukan bahasa yang baik di kalangan kanak-kanak. Pada masa ini terdapat gejala yang kurang memuaskan berkaitan dengan soal pendidikan anak-anak. Setengah-setengah ibu bapa seolah-olah mahu menyerahkan pendidikan anak-anak mereka kepada sekolah semata-mata. Ini kurang memuaskan kerana pendidikan seseorang kanak-kanak itu tidak hanya berlaku di dalam bilik darjah, tetapi juga di luar bilik darjah, apatah lagi di rumah. Oleh itu, soal pemupukan penggunaan bahasa yang baik juga haruslah diusahakan bersama-sama oleh guru di sekolah dan ibu bapa di rumah. Berilah perhatian kepada cara-cara kita bercakap kepada anak-anak kita; perhatikanlah cara-cara mereka bercakap dengan kita, dengan kaum keluarga dan dengan rakan-rakan mereka. Bekalkan mereka dengan bahan-bahan bacaan yang sesuai. Selalulah bercakap dengan mereka, kerana ini merupakan satu cara yang baik untuk mengukuhkan penggunaan bahasa secara praktikal. Betulkan kesalahan-kesalahan bahasa mereka, dan puji penggunaan bahasa yang baik. Dengan demikian mereka akan menjadi lebih sedar tentang penggunaan dan penguasaan bahasa. Itulah di antara beberapa cara yang boleh dimainkan oleh ibu bapa dalam membantu pemupukan bahasa di kalangan anak-anak kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pemenang dan para penganjur hadiah bahasa ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur kerana menjemput saya ke Majlis ini.